

Adakah subsidi cara terbaik memakmurkan negara?

Secara purata, setiap rakyat menikmati sebanyak RM1,550 subsidi bahan api setahun

Oleh Rashdan M Radzi

Subsidi yang ditanggung Kerajaan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM67.4 billion. Ini merupakan jumlah subsidi tertinggi di dalam sejarah negara.

Pada masa yang sama, Kerajaan membelanjakan sebanyak RM32.7 bilion untuk menaik taraf jalan, hospital, klinik luar bandar, universiti awam, sekolah, perumahan dan infrastruktur lain demi kemakmuran negara. Ini bermakna, jumlah subsidi yang dikeluarkan oleh Kerajaan adalah dua kali ganda lebih besar berbanding perbelanjaan ini.

Tahun ini, kerajaan terpaksa mengurangkan sedikit perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial kepada RM58.6 bilion. Begitupun, ia masih satu setengah kali ganda lebih tinggi daripada belanja untuk pendidikan, kesihatan, perumahan dan pengangkutan. Justeru, timbul persoalan apakah ini cara terbaik kita membelanjakan hasil cukai negara? Apakah faedah yang diperolehi daripada jumlah besar dibelanjakan untuk subsidi dan apa pula kekurangannya. Pemberian subsidi

bahan api bermula pada 1983 apabila kerajaan melaksanakan langkah kawalan harga melalui Mekanisme Harga Automatik (APM). Matlamat asal APM adalah untuk mewujudkan kestabilan harga kepada pengguna, dan pada masa yang sama mengekalkan kadar harga berpatutan bagi mengurangkan beban rakyat berpendapatan rendah.

Justeru, walaupun harga minyak mentah dunia meningkat kepada kira-kira AS\$91 setong hari ini, pengguna di negara ini masih membayar RM2.05 bagi seliter petrol RON95 – iaitu kadar yang sama pada Mac 2021, walaupun harga minyak pada ketika itu hanyalah AS\$65 setong. Harga petrol di Malaysia adalah antara yang terendah di dunia, malah 30 peratus lebih murah daripada Arab Saudi iaitu negara pengeksport minyak terbesar dunia dengan pengeluaran 25 kali ganda lebih besar berbanding Malaysia. Subsidi bukan saja mengekalkan harga keperluan utama pada kadar amat berpatutan, ia juga membolehkan rakyat berbelanja lebih untuk

kesejahteraan hidup. Ambil subsidi bahan api sebagai contoh.

Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan kerajaan, kos subsidi bahan api tahun lalu ialah RM50.8 bilion atau kira-kira tiga perempat daripada keseluruhan perbelanjaan subsidi sebanyak RM67.4 bilion. Ini bermakna setiap rakyat mendapat lebih kurang RM1,550 setahun; kira-kira RM130 seorang sebulan atau RM490 bagi setiap isi rumah sebulan berdasarkan saiz purata isi rumah Malaysia seramai 3.8 orang.

Menurut laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia baru-baru ini, kira-kira 45 peratus daripada jumlah perbelanjaan purata bulanan isi rumah Malaysia sebanyak RM5,150 digunakan bagi barangan keperluan asas dengan baki 55 peratus dibelanjakan untuk perkara lain yang memberikan keselesaan hidup, iaitu kira-kira RM2,830. Kalau dibandingkan nilai RM490 sebulan yang setiap isi rumah perolehi daripada Kerajaan dalam bentuk

subsidi bahan api, ini bukanlah jumlah yang kecil – bersamaan 18 peratus. Ini bermaksud hampir seringgat daripada setiap lima ringgit perbelanjaan purata isi rumah untuk barangan bukan keperluan asas, diperbolehkan dengan adanya subsidi minyak.

Walaupun subsidi banyak membantu menstabilkan harga, menjamin bekalan dan memampukan rakyat, ia juga turut memberi kesan yang tidak diinginkan. Sebagai contoh, kumpulan berpendapatan tertingi 20 peratus, golongan yang tidak atau kurang memerlukan bantuan ekonomi, mendapat manfaat 35 peratus daripada subsidi minyak.

Keadaan ini mencerminkan kelemahan ketara mekanisme pemberian subsidi sekarang kerana ia tidak dapat dibezakan di peringkat jualan dan berpaut kepada jumlah penggunaan. Pendekatan di mana penentuan harga kawalan dibuat dengan mengambil kira kedudukan ekonomi kumpulan kurang berada, turut menjadi faktor kepincangan sistem subsidi sekarang. Sementara itu, hutang

kerajaan meningkat lebih lima kali ganda sejak 1997. Justeru, Kerajaan perlu berhempah bagi menyekat pertumbuhan hutang. Ketika ini, kos membiayai hutang kerajaan sudah mencapai hampir seringgat daripada setiap lima ringgit hasil cukai Kerajaan Persekutuan. Sekiranya jumlah hutang negara terus meningkat, kos pembiayaan hutang sudah tentu akan menjejaskan peruntukan Kerajaan untuk perbelanjaan asas yang lain.

Usaha menstabilkan hutang ini memerlukan beberapa pendekatan segera. Sumber baru hasil negara mesti dicari, manakala keutamaan berbelanja perlu dinilai semula. Keperluan segera bagi menangani kos subsidi dan bantuan sosial yang terlalu tinggi sekarang perlu dilihat dari perspektif ini.

Apa Yang Perlu Dilakukan

Kebelakangan ini, banyak pihak mencadangkan supaya kerajaan memperkenalkan subsidi bersasar. Tidak dinafikan bahawa subsidi bersasar merupakan

sistem yang lebih baik daripada sistem sedia ada. Namun begitu, ia tidak menangani punca sebenar pergantungan kepada subsidi dan tidak sesuai dijadikan penyelesaian jangka panjang.

Satu lagi pilihan ialah dengan memansuhkan kawalan harga dengan pemberian tunai kepada isi rumah yang tertentu.

Kelebihan utama langkah pemberian tunai ini ialah ia memastikan harga barangan bergerak seiring dengan mekanisme pasaran dan tidak mengganggu kerancakan aktiviti ekonomi.

Malah, ada yang melihat cara ini mungkin langkah permulaan bagi mencapai matlamat untuk menjadi sesebuah negara yang mengamalkan sistem kebijakan sosial sejagat seperti yang dilaksanakan di Eropah. Walaupun langkah ini mungkin dilihat menarik, namun sebuah negara tidak boleh menjadi negara kebijakan tanpa mengenakan kadar cukai pendapatan yang amat tinggi antara 40 peratus sehingga 56 peratus.

Ini membawa kita kepada tandanya kenapa timbulnya persoalan pemberian subsidi atau

bantuan sosial dalam konteks memastikan rakyat mempunyai mutu kehidupan lebih selesa. Mengapakah pada masa kita berada pada tahap lebih makmur berbanding sebelum ini – sekurang-kurangnya jika dinilai dari segi pendapatan per kapita – pergantungan kita kepada subsidi dan bantuan sosial juga pada tahap tertinggi?

Apakah benar rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup yang tidak berasaskan kemampuan? Ataupun adakah wujud permasalahan struktur ekonomi Malaysia di mana hanya segelintir sahaja masyarakat yang sebenarnya dapat mengecap kekayaan negara?

Apa jua bentuk tindakan yang bakal kita ambil untuk mengurangkan perbelanjaan subsidi, ianya haruslah bersifat holistik, mampan dan berkepentingan jangka panjang untuk memastikan ketuhanan kedudukan kewangan Kerajaan dan semestinya bukan keputusan yang terburu-buru. (Rashdan M Radzi, CFA, ialah anggota sekretariat Jawatankuasa Penasihat Menteri Kewangan (ACFIN)).

Chew puji tindakan pantas pihak berwajib selesaikan masalah

Oleh Yap Siong Han

SANDAKAN: Tindakan pantas pihak berwajib berjaya menyelesaikan masalah tiang tumbang.

Pemimpin Pembangunan Masyarakat (PPM) Karamunting Datuk Chew Kok Woh berkata, baru-baru ini kejadian itu berlaku di kawasan perkampungan Yap Syn Kee Jalan Cecily apabila sebuah lori tunda kenderaan yang melalui lokasi berkenaan tersangkut dengan wayar pada tiang berkenaan.

“Berikutan itu, tiang terabit tumbang bersama kabel pada kemudahan itu. Selepas menerima aduan daripada penduduk di kampung berkenaan. Pihak Unit PPM ini segera turun meninjau keadaan seterusnya berhubung dengan pihak berwajib untuk menyelesaikan perkara ini,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berterima kasih kepada pihak berkaitan, Penyelesaian UPPM Karamunting Naz Lee, Pemaju Mukim Ricky Voon dan Syed Putra Ar-rahim atas tindakan menyusuli isu berkenaan.

Sementara itu katanya, bertindak atas aduan diterima daripada penduduk kampung mengenai kabel elektrik di tepi jalan menuju ke bulatan



TERJEJAS: Kabel elektrik yang terjatuh sehingga ke tanah sudah pasti berbahaya kepada pengguna di sekitarnya.



PRIHATIN: Aduan penduduk diterima baik oleh UPPM Karamunting sehingga menyelesaikan masalah yang wujud.

Pasir Putih terjatuh. “Saya telah mengarahkan

Ricky dan Syed Putra untuk berhubung dengan pihak

berwajib untuk mengambil tindakan segera,” katanya.

KUSKOP sedia inisiatif keusahawanan khusus untuk belia

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensi di bawahnya menyediakan pelbagai inisiatif keusahawanan untuk golongan belia di seluruh negara.

Menteri KUSKOP Datuk Ewon Benedick berkata, inisiatif itu adalah program-program khusus untuk belia termasuk siswazah sertai.

Katanya, program yang sudah dilaksanakan termasuklah Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dan Program Belia Ke Koperasi.

“Selain itu, turut disediakan Skim Pembiayaan Ekonomi dan Skim Pembiayaan Sosial, Pembiayaan Kepada Belia, Young Entrepreneur Fund 2.0 (YEF 2.0) dan UDA4Youth,” katanya.

Menurutnya, program TUBE adalah di bawah SME Corp bertujuan menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia bumiputera.

“Program Belia Ke Koperasi pula, dilaksanakan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bertujuan menarik minat golongan belia berkehidmat dalam gerakan koperasi.

“Bagi memperkasa dan meningkatkan sosioekonomi usahawan dalam kalangan be-

lia, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menyediakan Skim Pembiayaan Ekonomi dan Skim Pembiayaan Sosial,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Lawatan Kerja ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di Ayer Keroh, Melaka, semalam.

Katanya, pembiayaan kepada belia oleh TEKUN turut memainkan peranan dalam menyediakan modal pembiayaan secara mudah dan cepat untuk usahawan belia.

“YEF 2.0 yang disediakan SME Bank membantu dan menyokong usahawan muda meningkatkan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi dan kekal berdaya maju.

“Manakala, UDA4Youth di bawah UDA Holdings menyediakan ruang niaga untuk usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan skim latihan kepada usahawan PMKS,” katanya.

Ewon berkata, KUSKOP juga menyediakan latihan, pembiayaan dan pinjaman perniagaan bagi memberi manfaat kepada usahawan pemula dan graduan.

“Penubuhan Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTEGE) turut disediakan kepada graduan pel-

bagai bidang pengajian yang masih menganggur.

“Program PROTÉGÉ dilihat dapat membantu KUSKOP mendokong objektif Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030), mencipta ‘job creator’ dan meramalkan lagi ‘Bangsa Usahawan’ menjelang 2030,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap usahawan-usahawan belia termasuk graduan dapat merebut peluang yang disediakan kerajaan khususnya Kementerianannya.

“Saya berharap lebih banyak lagi program seumpama ini diadakan bagi menarik penyertaan golongan muda terutamanya graduan,” katanya.

Sempena lawatan itu, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) menganjurkan Program Usahawan Bisnes Dropship dan Ejen (DNA) yang disertai 300 pelajar UTEM.

Pada majlis itu juga, SME Corp dan UTeM menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama erat meningkatkan kemahiran dan bakat pelajar dalam bidang keusahawanan.

Ia juga turut mempromosi aktiviti, program dan inisiatif yang dijalankan oleh SME Corp untuk belia dan graduan di universiti berkenaan.

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Kempen Derma Darah Centre Point Sabah (CPS) menerima hampir 45 penaja bagi menjayakan program berkenaan.

Dalam kenyataan oleh CPS, 200 hamper khas akan disampaikan kepada penderma darah yang menderma lebih daripada 20 kali dan ke atas.

Selain itu, pelbagai hadiah ditawarkan untuk cabutan

bertuah antaranya hadiah utama tajaan oleh CP Motor Sdn Bhd (Honda Impian X), iaitu sebuah Honda motosikal yang bernilai hampir RM6,000.

Selain itu, Ching Ann (Sabah) Sdn Bhd telah menaja enam telefon pintar berjenama Samsung bernilai hampir RM8,000 untuk acara itu.

Kempen Derma Darah CPS telah dianjurkan sejak 30 tahun lalu dan telah mendapat sokongan padu daripada orang ramai serta

pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Selain daripada menderma darah, setiap penderma layak menerima beg goodies yang mengandungi lebih daripada 10 barangan daripada penaja.

Para penderma juga berpeluang memenangi beberapa hadiah cabutan bertuah yang menarik.

Syarikat Chean & Yong Sdn Bhd turut menaja sebuah lagi telefon pintar berjenama Samsung bernilai RM1,000

untuk aktiviti cabutan bertuah.

Penaja lain ialah Liew Chai Vegetarian; Palm Café; Nasi Ayam CP; Super Faezah Restaurant; Yoyo Café and E-Noveal Trading (M) Sdn Bhd.

Kempen derma darah CPS dijadualkan bermula 8.30 pagi sehingga 9.30 malam, Sabtu (11 November) di Pusat Beli-belah CPS. Ia akan dilaksanakan di tingkat bawah. Tahun ini, kempen itu menyasarkan untuk mengumpul 1,200 pain darah.



ALBUM: Gambar kenangan dirakam di antara kakitangan CPS bersama 24 NGO yang bersama-sama menganjurkan kempen berkenaan.